



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **NOTA PERCAKAPAN**

**YB DATO SRI AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN  
ANTARA PENGANUT AGAMA  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**28 OKTOBER 2023 (SABTU)**

**9.30 PAGI**

**THE WESTIN KUALA LUMPUR**

## **PERUTUSAN PENGERUSI BERSAMA**

Salam sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia  
MADANI

**YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Nai'm Bin Haji Mokhtar**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama);

**YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof**

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara;

**YBhg. Datuk Hajjah Hakimah Binti Mohd Yusoff**

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;

**YBhg. Prof. Madya. Dr. Mohamed Azam Bin Mohamed Adil**

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia; dan

Semua ahli-ahli Jawatankuasa Harmoni Sesi 2023-2024

## **SESI PERKENALAN AHLI JAWATANKUASA HARMONI**

Sebelum kita memulakan sesi mesyuarat pada hari ini, adalah baik kita berkenalan dahulu dengan semua ahli Jawatankuasa memandangkan ini adalah perjumpaan kali pertama bagi Jawatankuasa HARMONI bagi sesi 2023-2024 ini. Oleh itu dipersilakan setiap ahli untuk memperkenalkan diri masing-masing dimulai dengan Datuk KSU.

### ***SESI MEMPERKENALKAN DIRI***

Terima kasih diucapkan kepada semua yang telah memperkenalkan diri.

1. Terima kasih kepada atas kehadiran ke Mesyuarat **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama yang pertama kali bagi tahun ini** dan juga yang pertama kali sejak Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan.
  
2. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan tahniah kepada semua di atas pelantikan sebagai ahli Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI).

3. Sebagaimana semua sedia maklum, pada **14 Ogos 2020** Jemaah Menteri telah bersetuju Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) distrukturkan dan dijenamakan semula kepada **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama atau ringkasnya Jawatankuasa HARMONI.**
4. Jemaah Menteri pada 3 Mac 2023 telah bersetuju dengan pelantikan ahli Jawatankuasa HARMONI bagi sesi 2023-2024. Terdapat tiga pertambahan ahli baharu HARMONI mewakili Kerajaan iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan Ketua Pengarah Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM).
5. Untuk makluman semua, platform ini adalah penting kerana ia menyediakan ruang kepada ahli-ahli untuk:

  - i) sama-sama berbincang melibatkan isu-isu sensitif berkaitan agama;
  - ii) mencapai konsensus atau kesefahaman antara badan-badan agama terhadap isu-isu yang berpotensi menyebabkan ketegangan; dan

- iii) mengetengahkan pandangan atau cadangan kepada kerajaan bagi menambahbaik berhubung soal keharmonian rakyat.
- 6. Walaupun sebelum ini mesyuarat tidak diadakan disebabkan beberapa kekangan seperti pandemik Covid-19, namun beberapa siri libat urus dan program telah dilaksanakan bersama ahli HARMONI seperti:
  - i) Sesi perjumpaan YB Menteri Perpaduan Negara bersama ahli HARMONI selain Islam pada 23 Mac 2021;
  - ii) Perbincangan dan pemantauan secara berterusan KPN dan ahli HARMONI berkenaan pematuhan kepada *Standard Operating Procedure* Rumah Ibadat Selain Islam (SOP RISI) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
  - iii) Sesi perjumpaan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bersama Ahli HARMONI agama Islam pada 17 Mei 2022; dan

- iv) Program Wacana Harmoni YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan semua ahli HARMONI pada 12 Oktober 2022.
- 7. Selain itu, antara pendekatan yang pernah diambil dalam menangani isu-isu berbangkit berhubung dengan agama adalah:
  - i) mengadakan sesi libat urus bersama agensi, pakar-pakar rujuk dan kolaborasi dengan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani isu-isu penting dan sensitif;
  - ii) menubuhkan *focus group* untuk membincang, meneliti dan mempertimbangkan isu-isu yang dibangkitkan atau bagi keperluan lain yang selaras dengan terma rujukan jawatankuasa HARMONI;
  - iii) menggunakan pakai pendekatan kerjasama atau kolaborasi strategik bersama ahli HARMONI dalam melaksanakan program atau aktiviti keharmonian.
- 8. Dengan pelantikan sebagai ahli HARMONI sesi 2023-2024 adalah diharapkan libat urus dan kolaborasi antara agensi kerajaan dan badan-badan keagamaan,

pertubuhan dan tokoh masyarakat dapat diperkuatkan untuk menangani isu-isu sensitif berkaitan agama dengan lebih efektif dan secara harmoni.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Kementerian Perpaduan Negara tentu sekali akan melipatgandakan usaha untuk melaksanakan pelbagai **strategi** untuk melahirkan bangsa yang patriotik, demokratik, dan berkeperibadian tinggi serta membangunkan identiti nasional yang **berkongsi** cita-cita sepunya dan mengukuhkan ekosistem perpaduan negara.
10. Saya turut ingin mengambil kesempatan ini untuk maklumkan bahawa pada tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara akan memperkenalkan inisiatif **HARMONI MADANI**. Inisiatif baru ini akan dijalankan bagi memupuk semangat penerimaan dan budaya hormat menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia.
11. Konsep utama yang akan diterapkan melalui usaha ini adalah “**Faham, Hormat dan Terima**” sebagai pegangan utama masyarakat berbilang agama dan

bangsa. Antara program yang bakal dilaksanakan di bawah inisiatif ini adalah:

- Bicara Harmoni MADANI
  - Jerayawara Harmoni MADANI
  - Program Tinta Harmoni
  - Wacana Perpaduan Mendepani Defisit Sosial
  - Sambutan Hari Toleransi
  - Program *Interfaith*
  - Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (minggu pertama bulan Februari setiap tahun)
12. Kementerian Perpaduan Negara turut mengalu-alukan kerjasama semua pihak dalam membantu pelaksanaan pelbagai program keharmonian untuk meningkatkan hubungan harmoni antara penganut agama dan kesepaduan sosial. Setakat itu sahaja ucapan pembukaan saya pada pagi ini.

**PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Seterusnya dijemput Pengerusi Bersama YB Senator Dato' **Setia Dr. Haji Mohd Nai'm Bin Haji Mokhtar** Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk menyampaikan perutusan beliau.

***UCAPAN MENTERI DI JPM (HAL EHWAL AGAMA)***

Terima kasih diucapkan kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) atas ucapan sebentar tadi.

**PEMBENTANGAN PENGENALAN KPN DAN STRUKTUR  
JAWATANKUASA HARMONI SERTA TERMA RUJUKAN  
OLEH KPN**

Agenda seterusnya ialah sesi pembentangan mengenai Pengenalan KPN dan Struktur Jawatankuasa HARMONI serta Terma Rujukan.

***SESI PEMBENTANGAN OLEH SEKRETARIAT***

## **SESI PERBINCANGAN**

Seterusnya kita beralih ke sesi perbincangan. Saya yakin bahawa semua ahli yang hadir mempunyai isu yang ingin diutarakan, oleh itu saya mempersilakan ahli yang ingin mengemukakan pandangan atau apa-apa cadangan.

## *SESI PERBINCANGAN*

## **PENANGGUHAN MESUARAT**

Saya berharap sesi mesyuarat kita mencapai objektif yang diharapkan. Pihak Kementerian Perpaduan Negara dan JAKIM mengambil maklum mengenai semua perkara yang telah dibincangkan dan tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh pihak Kementerian.

Sebelum saya mengakhiri sesi mesyuarat pada kali ini ingin saya memaklumkan bahawa memandangkan Jawatankuasa HARMONI ini dipengerusikan bersama oleh saya dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **JAKIM akan menjadi tuan rumah untuk mesyuarat yang akan datang.**

Sekian terima kasih.